

# APLAKET TABLET 250MG

Ticlopidine hydrochloride 250mg

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan APLAKET
2. Bagaimana APLAKET berfungsi
3. Sebelum mengambil APLAKET
4. Cara menggunakan APLAKET
5. Semasa menggunakan APLAKET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan APLAKET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan APLAKET

Aplaket digunakan untuk membantu untuk mencegah pembentukan darah beku (*Thrombosis*). Ini adalah untuk mengelakkan iskemia (pengurangan aliran darah kerana tersumbat) di dalam otak, jantung atau saluran darah. Aplaket digunakan pada pesakit yang mempunyai risiko strok atau pernah mengalami serangan jantung / strok. Ia juga digunakan jika seseorang pesakit tidak dapat bertoleransi dengan aspirin atau aspirin tidak berkesan ke atasnya. Aplaket boleh digunakan dalam *bypass graft*

(prosedur pembedahan jantung) dan digunakan dalam rawatan hemodialisis juga.

## Bagaimana APLAKET berfungsi

Aplaket mengandungi Ticlopidine. Ia menghalang pergabungan antara sel-sel bekuan darah dan ke dinding salur darah lalu memanjangkan masa pembekuan darah. Kesan perencatan masa pembekuan darah ini adalah bergantung kepada dos.

## Sebelum mengambil APLAKET

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda hipersensitif kepada ticlopidine.
- jika anda pernah mengalami masalah leukopenia (pengurangan sel-sel darah putih yang membuat jangkitan lebih mungkin), trombositopenia (penurunan platelet darah, yang meningkatkan risiko pendarahan) atau agranulositosis (pengurangan teruk dalam bilangan sel darah putih yang membuat jangkitan lebih mungkin).
- Jika anda mengalami pendarahan diatesis yang meningkatkan kecenderungan pendarahan disebabkan oleh kecacatan dan gangguan pembekuan darah.
- Jika anda mempunyai pendarahan aktif patologi (seperti ulser gastrousus, pendarahan *varices esophageal* dan lain-lain); strok; penyakit hati yang teruk.
- jika anda sedang mengandung

atau menyusukan bayi.

## Sebelum mula mengambil tablet APLAKET

Sebelum memulakan terapi dan, selepas itu, setiap 15 hari untuk 3 bulan pertama rawatan, adalah perlu untuk membuat pembilangan sel darah, terutamanya leukosit (sel darah putih) dan kiraan platelet.

Sebelum intervensi pembedahan, rawatan ini mesti dihentikan selama seminggu (kecuali bagi kes-kes yang tidak boleh diberhentikan) kerana risiko pendarahan disebabkan oleh produk, selepas menghentikan rawatan dan sebelum intervensi, adalah dinasihatkan untuk membuat penilaian jika kesan pada haemostatis masih berterusan (dengan ditentukan oleh masa pendarahan).

Jika pengekstrakan gigi perlu dilakukan, sila maklumkan kepada doktor tentang rawatan yang sedang dijalankan.

Dalam kes seperti faringitis (jangkitan pada belakang tekak), ulser mulut, angina (sakit dada), demam, pendarahan atau lebam berlaku, rawatan harus segera dihentikan dan perlu memaklumkan kepada doktor. Penyambungan semula terapi bergantung kepada keputusan ujian darah dan penilaian klinikal.

Pesakit yang mengidap fungsi hati terjejas perlu menggunakan APLAKET dengan berhati-hati dan harus memberhentikan rawatan jika berlaku keradangan hati atau penyakit kuning.

Keselamatan dan keberkesanan terhadap kanak-kanak di bawah

# APLAKET TABLET 250MG

Ticlopidine hydrochloride 250mg

umur 18 tahun masih belum direkodkan.

## Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang atau baru sahaja mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Oleh kerana APLAKET mengakibatkan masa pendarahan yang berpanjangan, ia harus dielakkan digunakan dengan NSAIDS (ASA atau Asprin dan lain-lain), dan ubat antikoagulan (heparin, antivitamin K).

Penggunaannya dengan ubat-ubatan depresi sum-sum tulang juga harus dielakkan.

## **Cara menggunakan TABLET APLAKET**

### Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan untuk rawatan jangka panjang ialah sebanyak 1-2 tablet sehari.

### Bila perlu digunakan

Disyorkan untuk mengambil APLAKET ketika waktu makan.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan APLAKET seperti yang dicadangkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda bagi menggantikan dos yang tertinggal.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut tentang penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mungkin telah mengambil APLAKET lebih daripada yang sepatutnya, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi dengan segera. Gejala-gejala pengambilan dos berlebihan ialah: pendarahan, sawan, suhu badan rendah dalam tahap bahaya, sesak nafas, hilang keseimbangan dan gaya berjalan yang tidak normal.

## **Semasa menggunakan APLAKET**

### Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengambil ubat seperti yang disyorkan oleh doktor anda. Maklumkan kepada doktor dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan pengambilan ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat-ubatan baru yang lain tanpa nasihat doktor anda.

Jangan berikan APLAKET kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menjelaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengoperasi mesin. Jika tablet membuat anda merasa sakit, pening atau letih, atau memberikan anda sakit kepala, jangan memandu atau

mengoperasi mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

## **Kesan-sesan sampingan**

Berikut merupakan kesan sampingan yang mungkin berlaku semasa menggunakan Aplaket:

- komplikasi pendarahan contohnya najis yang gelap atau hitam;
- leukopenia, trombositopenia, dan agranulositosis (tanda demam, seram sejuk, sakit tekak atau mulut ulcer). Masalah sum-sum tulang biasanya lebih teruk di kalangan orang tua;
- ketidakselesaan gastrousus (loya, gastralgie, cirit-birit);
- peningkatan enzim hati dan, kadang-kadang, kolestatik jaundis (mata dan kulit yang kuning). Oleh itu, adalah dinasihatkan untuk memantau fungsi hati secara berkala;
- ruam kulit, yang boleh kembali normal dengan menghentikan rawatan tersebut;
- vertigo (sensasi berputar);
- lebam atau berdarah dengan lebih mudah daripada biasa, bintik ungu kebiruan di bawah kulit atau kuku.

Anda perlu memaklumkan kepada doktor jika terdapat sebarang kesan tidak diingini yang lain semasa rawatan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau layari

# APLAKET TABLET 250MG

Ticlopidine hydrochloride 250mg

---

laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting).

## Cara penyimpanan dan pelupusan APLAKET

### Penyimpanan:

Simpan di bawah suhu 25 °C.  
Jauhkan daripada kanak-kanak.  
Tarikh luput adalah 3 tahun dari tarikh ubat tersebut dikeluarkan.  
Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir pada bulan tersebut.

### Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau buangan isi rumah. Rujuk ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Aplaket berwarna putih, bulat berkilat bersalut gula.

### Bahan-bahan:

Bahan aktif: Ticlopidine hidroklorida 250 mg

### Bahan tak aktif:

*Lactose monohydrate, sodium starch glycolate, polyethylene glycol, povidone, magnesium stearate, hydroxypropyl cellulose, ethylcellulose, diethyl phthalate, acacia gum, titanium dioxide, talc, sucrose, montan glycol wax.*

### Nombor MAL:

MAL19988442A.

## Pengilang

Madaus GMBH  
Troisdorf, Germany.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Antah Pharma Sdn Bhd  
No. 3, Jalan 19/1, 46300,  
Petaling Jaya, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

06 Jun 2015.

Nombor Siri  
BPFK(R4/1)100415/00061